



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI

SIARAN MEDIA

NANBA LAMBANG PERSAHABATAN DAN KOMITMEN KERAJAAN SANTUNI KOMUNITI

KOTA RAJA, 21 September 2025 – Program Nadi Aspirasi Nasional Bersama Anak Muda atau lebih dikenali sebagai NANBA anjuran Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) adalah inisiatif strategik untuk menyantuni komuniti India khususnya golongan belia.

Perkataan NANBA yang membawa maksud kawan dalam bahasa Tamil dipilih sebagai simbol persahabatan, keharmonian, serta komitmen kerajaan dalam menyantuni rakyat secara inklusif dan menyeluruh.

Majlis perasmian Program NANBA Siri 4 ini disempurnakan oleh YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, Pengerusi KASIH Malaysia yang mana pelaksanaan kali ini adalah kerjasama strategik antara J-KOM, KASIH Malaysia dan Pejabat Parlimen Kota Raja.

Memfokuskan dalam memperkasa belia demi memperkukuhkan komuniti, program ini dirancang khusus untuk menjadi platform jalinan erat antara kerajaan dan komuniti India, berdasarkan objektif berikut:

- Memperkasa komuniti belia India melalui penyediaan platform yang menyokong pembangunan diri, kemahiran insaniah dan pemahaman terhadap dasar kerajaan;
- Menyebarkan maklumat terkini mengenai inisiatif, dasar serta peluang yang ditawarkan oleh kerajaan kepada belia komuniti India secara inklusif dan menyeluruh; dan
- Menyemarakkan kebangkitan komuniti dengan membendung gejala sosial, memperkukuh komuniti, serta melahirkan belia berilmu, berdisiplin dan berdaya saing.

Program ini turut dimeriahkan dengan pelbagai pengisian yang interaktif dan mesra komuniti, antaranya:

- Jualan Rahmah MADANI
- Kaunter perkhidmatan oleh pelbagai agensi kerajaan
- Pertandingan mewarna untuk kanak-kanak
- Pertandingan Rona MADANI
- Pertandingan Melukis Henna
- Sesi Simfoni “NANBA”
- Saringan Kesihatan & Program Imunisasi
- Sesi Taklimat
- Cabutan Bertuah
- Aktiviti Gunting Rambut
- Aktiviti tukar minyak hitam motor
- Perkhidmatan Bas Bergerak Mekar oleh Jabatan Pendaftaran Negara

Program NANBA diharapkan mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan komuniti India yang lebih progresif, celik maklumat dan inklusif disamping menyokong aspirasi nasional ke arah masyarakat yang sejahtera, bersatu padu dan berdaya saing. NANBA melambangkan simbol persahabatan, komitmen Kerajaan dalam menyantuni rakyat secara menyeluruh

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM)